# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# KHAMIS 25 APRIL 2019

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br><br>4.<br><br>5.<br><br>6.<br>7.<br><br>8.<br><br>9.<br><br>10.<br>11.<br><br>12.<br><br>13.<br><br>14.<br><br>15. | PASUKAN KHAS, SETEMPAT, HM -21<br>PASUKAN KHAS PERANGI NELAYAN ASING, SENTRAL, SH -18<br>PETUGAS KHAS TANGANI PENCEROBOHAN NELAYAN ASING,<br>DASAR & PENTADBIRAN, BH -3<br>MUHYIDDIN: PASUKAN PETUGAS KHAS TANGANI PENCEROBOHAN NELAYAN ASING,<br>MALAYSIA KINI -ONLINE<br>SALAHUDDIN MAHU URUSAN LESEN NELAYAN DIPERMUDAH, NASIONAL,<br>MINGGUAN AMANAH -10<br>HASIL LAUT RUGI RM6 BILION SETAHUN, NEGARA, KOSMO -4<br>MINISTRY FORMS TASK FORCE TO COMBAT ILLEGAL FISHING,<br>NEWS WITHOUT BORDERS, SUN -4<br>HOME, AGRICULTURE, DEFENCE MINISTRIES JOIN FORCES TO TACKLE WORSENING<br>ILLEGAL FISHING PROBLEM, MALAY MAIL -ONLINE<br>SPECIAL TASK FORCE TO PREVENT INTRUSION OF FOREIGN FISHING BOATS, NEWS,<br>GUANG MING DAILY -A9<br>TASK FORCE TO STOP ILLEGAL FISHING BOAT, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A22<br>SPECIAL TASK FORCE TO PREVENT ILLEGAL FISH BOATS FROM NEIGBOUR COUNTRIES,<br>NATION, SIN CHEW DAILY -11<br>SIM HOPES CHINA WILL COMPLETE INSPECTION OF BIRD NEST EXPORT WITHIN THIS<br>YEAR, NATION, SIN CHEW DAILY -4<br>SIM: BIRD NEST EXPORT VOLUME IN YEAR 2018 HITS RM1.3 BILLION, NATION,<br>KWONG WAH YIT POH -A7<br>SIM TZE-TZIN: QR CODE TO VALIDATE BIRDS NEST BY YEAR END, NATION,<br>CHINA PRESS -A17<br>HUGE POSSIBILITIES WITH BIRDS NESTS PRODUCTS, NATIONAL,<br>NANYANG SIANG PAU -A4 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 16. | HUSAM CADANG KADA BACA DOA MINTA AKTIVITI PERTANIAN TERUS DAPAT<br>RAHMAH, PERISTIWA, MINGGUAN AMANAH -30 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA) |
| 17.<br>18. | FAMA SEKAT CILI MERAH DARI VIETNAM, NASIONAL, SH -4<br>FAMA TETAP HARGA LANTAI ELAK LAMBAKAN TEMBIKAI DI PASARAN, SETEMPAT,<br>HM -34 | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 19.<br>20.<br>21.<br><br>22.<br><br>23.<br><br>24. | KUDRAT 6 IBU TUNGGAL TANAM TEMBIKAI, SETEMPAT, HM -34<br>PETIK SAYUR DI KEBUN KOMUNITI, K2, KOSMO -24<br>MEKANISME TERBAIK PASTIKAN RUMPAI LAUT BERMUTU TINGGI UNTUK BEKALAN,<br>NEWS, SABAH NEWS TODAY -9<br>SABAH TO PRODUCE QUALITY SEAWEED IN LARGE QUANTITIES – JUNZ, HOME,<br>BORNEO POST (KK) -2<br>MOA PLATFORM SESUAI JALIN KERJASAMA UNTUK PESARA TENTERA RAIH<br>PENDAPATAN, NASIONAL, MINGGUAN MANAHA -13<br>FARMERS IMPACTED WITH REQUIREMENT OF CERTIFICATION FOR VEGETABLES AND<br>FRUIT PRODUCE, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A2 | LAIN - LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 25/4/2019 | HARIAN METRO | SETEMPAT | 21 |

FOTO: MOHD FADLI HAMZAH

# Pasukan khas



MUHYIDDIN bersama Salahuddin (kiri) dan Liew (dua dari kanan) pada sidang media mengenai isu menangani nelayan asing yang menceroboh perairan negara.

## Kabinet lantik 4 kementerian, 7 agensi tangani isu nelayan asing ceroboh perairan negara

HARIAN METRO

Mohd Husni Mohd Noor
mhusni@hmetro.com.my

**Putrajaya**

Kabinet semalam meluluskan penubuhan satu pasukan petugas khas membabitkan wakil empat kementerian dan tujuh agensi bagi menangani isu nelayan dari Vietnam yang menceroboh perairan negara.

Pasukan petugas khas itu diketuai Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan disertai wakil Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Kementerian Pertahanan dan Kementerian Luar.

Sementara itu, pasukan keselamatan dan penguat kuasa terbabit pula adalah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Jabatan Perikanan.

Turut terbabit adalah wakil Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Jabatan Imigresen dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Menteri Dalam Negeri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, isu pencerobohan nelayan asing dari Vietnam bukan perkara baharu, malah semakin meningkat setiap tahun.

Beliau berkata, pencerobohan itu menyebabkan negara kehilangan hasil laut yang besar mencecah sehingga RM6 bilion setahun.

"Kabinet berpendapat isu ini perlu ditangani segera kerana ia turut memberi kesan besar kepada nelayan tempatan.

"Penubuhan pasukan itu membolehkan operasi penguatkuasaan dilakukan secara bersepadu dan berskala besar.

"Pasukan sama juga akan mengatur operasi khas dalam tempoh segera bagi menangani isu pencerobohan itu," katanya pada sidang media khas di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub dan Timbalan Menteri Pertahanan, Liew Chin Tong.

**FAKTA**

Pasukan khas diketuai KDN disertai wakil MOA dan Kementerian Pertahanan dan Kementerian Luar

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/4/2019 | SINAR HARIAN | SENTRAL | 18 |

# Pasukan khas perangi nelayan asing

PUTRAJAYA - Kabinet menubuhkan pasukan petugas khas bagi membanteras pencerobohan nelayan asing terutama dari Vietnam yang menjarah hasil laut Malaysia.

Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, pasukan berkenaan akan diketuai Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan dianggotai Kementerian Pertahanan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) serta Kementerian Luar Negeri.

"Hasil mesyuarat Kabinet bersama Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini (semalam), kita membuat keputusan untuk memperkasakan penguatkuasaan di perairan tanah air dengan menubuhkan pasukan petugas khas.

"Pencerobohan nelayan asing terutama dari Vietnam ini serius berdasarkan rekod sejumlah RM6 bilion setahun hasil laut kita hilang dijarah nelayan asing," katanya pada sidang media di Putrajaya semalam.



Muhyiddinn (tengah) pada sidang media di Kementerian Dalam Negeri di Putrajaya, semalam.

Menurutnya, langkah bersepadu hasil kerjasama empat kementerian itu akan dibantu Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Imigresen Malaysia serta Jabatan Perikanan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

"Operasi pasukan petugas khas ini akan dilaksanakan segera bagi menghalang pencerobohan nelayan asing daripada terus berlaku.

"Sebelum ini kemasukan haram nelayan asing berlaku secara bermusim tapi mutakhir ini mereka ceroboh sewenang-wenangnya, tambahan pula sekarang musim sotong.

"Kita harap dengan tindakan ini, kita dapat koordinasi mobilisasi aset agensi dengan lebih tersusun. Buat masa ini, sudah 67 tangkapan dilakukan APMM dan agensi penguatkuasaan lain," jelasnya.

Sementara itu, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, keputusan itu diambil susulan aduan daripada nelayan tempatan terutama di Pantai Timur mengenai pencerobohan nelayan Vietnam.

"MOA tidak pernah berikan lesen kepada nelayan asing. Mungkin pencerobohan ini berlaku kesan daripada penyelewengan lesen, sebab itu kita libatkan penyertaan SPRM," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/4/2019 | BERITA HARIAN | DASAR & PENTADBIRAN | 3 |

# Petugas khas tangani pencerobohan nelayan asing

**Putrajaya:** Kabinet semalam mengarahkan penubuhan segera pasukan petugas khas membabitkan empat kementerian serta tujuh agensi bagi menangani pencerobohan nelayan asing di perairan negara.

Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata kementeriannya akan mengetuai pasukan berkenaan yang bertanggungjawab menyelaras gerakan menangani pencerobohan dan pencegahan kemasukan nelayan khusus dari Vietnam dengan lebih tersusun.

Tiga kementerian lain, katanya, adalah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Pertahanan serta Kementerian Luar.

Tujuh agensi pula adalah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia), Tentera Diraja Laut Malaysia (TLDM), Jabatan Perikanan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Jabatan Imigresen, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

"Sebelum ini agensi penguat kuasa menahan dan menyita vesel atau kapal dan bot nelayan asing secara berasingan, tetapi dengan pasukan khas, masalah ini dapat ditangani dengan lebih berkesan.

"Kabinet mengambil berat isu pencerobohan nelayan asing di perairan negara yang menyebabkan hasil laut diperoleh nelayan tempatan terjejas," katanya pada sidang media di sini, semalam.

*BH* meneruskan siri laporan eksklusif pada November 2017, mendedahkan nelayan asing dari Vietnam paling ramai menceroboh dan 'merompak' hasil laut negara secara terang-terangan, khususnya di Laut China Selatan yang kaya dengan sumber laut bermutu yang menerima permintaan tinggi dari pasaran luar negara.



***Muhyiddin pada sesi sidang media di Kementerian Dalam Negeri** di Putrajaya, semalam. Yang hadir sama, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub dan Timbalan Menteri Pertahanan, Liew Chin Tong.*

## Pakar kesan lubuk ikan

Nelayan asing berkenaan mampu belayar mencecah ratusan batu nautika pada satu-satu masa, iaitu sehingga ke perairan Sarawak dan Johor bagi mendapatkan sumber maritim terbaik negara. Difahamkan, mereka mempunyai kepakaran tinggi untuk mengesan lubuk ikan dan pelbagai hasil laut di perairan negara.

Statistik Maritim Malaysia menunjukkan dalam tempoh 10 tahun hingga 2016, lebih separuh daripada 7,617 tangkapan kru nelayan adalah membabitkan warga Vietnam iaitu 4,920. Negara itu turut mendominasi rekod rampasan kapal nelayan, iaitu 491 daripada 924 kapal yang ditahan.

Statistik bagi tahun ini pula menunjukkan sebanyak 53 kes pencerobohan kapal nelayan asing dikesan dan dirampas, membabitkan 41 kes di bawah Maritim Malaysia, sembilan kes di bawah Jabatan Perikanan dan tiga kes lagi di bawah PDRM.

Sementara itu, Muhyiddin berkata, SPRM turut dijemput menganggotai pasukan berkenaan supaya tidak berlaku penyelewengan dalam aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan pasukan terbabit.

"Kita tidak pasti kalau ada elemen rasuah, tetapi pastinya itu (pembabitan SPRM) adalah cara kita hendak mengambil tindakan supaya penguatkuasaan dijalankan dengan lebih berkesan," katanya.

## 100,000 ahli NEKMAT sedia jadi 'mata, telinga'

Sementara itu, Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) bersedia menggerakkan kira-kira 100,000 ahlinya untuk membantu pasukan petugas khas ditubuhkan kerajaan bagi menangani pencerobohan nelayan asing di perairan negara.

Pengerusinya, Abdul Hamid Bahari ketika dihubungi *BH*, berkata NEKMAT menyambut baik dan menyokong penuh penubuhan pasukan petugas khas itu dan nelayan bersedia menjadi mata dan telinga pasukan berkenaan bagi memastikan hasil negara tidak dirampas sewenang-wenangnya.

"Kami memiliki keahlian kira-kira 100,000 nelayan dan lebih 100 persatuan nelayan berdaftar. Ahli NEKMAT boleh membantu pasukan petugas khas ini. Pencerobohan nelayan asing sudah berlarutan sekian lama, jadi pasukan ini diharap dapat menangani isu berkenaan dengan segera.

"NEKMAT juga berharap pasukan berkenaan dilengkapi peralatan canggih yang mampu mengesan bot dan kapal nelayan asing yang menceroboh perairan kita yang bukan hanya menyebabkan nelayan tempatan kerugian, malah merugikan negara secara amnya apabila khazanah marin kita dicuri begitu sahaja,"," katanya pada sidang media, semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 25/4/2019 | MALAYSIA KINI | ONLINE | |

# Muhyiddin: Pasukan petugas khas tangani pencerobohan nelayan asing



Kabinet akan menubuhkan sebuah pasukan petugas khas diketuai oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) bagi menangani masalah pencerobohan nelayan asing di perairan negara, kata Menteri Dalam Negeri Muhyiddin Yassin.

Selain KDN, katanya, pasukan itu turut disertai Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Luar serta tujuh agensi penguatkuasaan.

Tujuh agensi berkenaan adalah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen, Jabatan Perikanan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

"Mereka akan mengatur operasi khas dalam tempoh yang segera dan diharapkan dengan tindakan ini maka pencerobohan nelayan asing tidak terus berlaku," katanya pada sidang media di KDN, di Putrajaya, hari ini.

Turut serta pada sidang media itu ialah Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Salahuddin Ayub dan Timbalan Menteri Pertahanan, Liew Chin Tong.

Menurut Muhyiddin, masalah pencerobohan nelayan asing terutamanya dari Vietnam pada tahun ini semakin berleluasa dengan 41 bot telah ditahan oleh APMM, manakala Jabatan Perikanan menahan sebanyak 26 bot.

"Kes ini bukan baru tetapi akhir-akhir ini semakin meningkat mengikut musim kerana sekarang musim sotong. Mereka (nelayan asing) masuk dan tidak mengendahkan undang-undang perairan antarabangsa," katanya.

Ditanya sama ada tindakan penguatkuasaan sebelum ini kurang berkesan, Muhyiddin berkata setiap agensi menjalankan tugas dan operasi mengikut bidang masing-masing.

"Kalau gerakan dibuat secara bersepadu, bila mereka (nelayan asing) dengar kita datang, diharapkan mereka tak berani masuk dan ceroboh peraiaran kita.

"Jika mereka ceroboh juga, dengan aset yang lebih dan tenaga manusia yang dimobilisasikan maka mungkin kita boleh tahan mereka secara lebih baik," jelasnya.

**SPRM teliti elemen rasuah**

Muhyiddin berkata Malaysia melalui Kementerian Luar akan turut meminta pihak berkuasa Vietnam untuk menasihati nelayan mereka supaya tidak mencerobohi perairan negara.

Mengenai penglibatan SPRM, Muhyiddin berkata suruhanjaya itu dijemput supaya tidak berlaku penyelewengan dalam aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan pasukan tersebut.

"Kita tidak pasti kalau ada elemen-elemen rasuah berlaku tetapi pastinya itu (penglibatan SPRM) cara kita hendak mengambil tindakan supaya penguatkuasaan dapat dijalankan dengan lebih berkesan," katanya.

Dalam pada itu, Salahuddin berkata pencerobohan nelayan asing menyebabkan negara kehilangan hasil laut sehingga RM6 bilion setiap tahun.

Beliau turut menjelaskan bahawa kementeriannya tidak pernah memberi lesen atau permit kepada nelayan asing untuk menangkap hasil laut dalam kawasan perairan negara.

"Mungkin berlaku penyelewengan di mana mereka mempergunakan lesen tertentu, tetapi secara rasminya kementerian tidak pernah memberi lesen kepada bot-bot asing untuk beroperasi," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/4/2019 | MINGGUAN AMANAH | NASIONAL | 10 |

# Salahuddin mahu urusan lesen nelayan dipermudah



Salahuddin Ayub

> Saya minta supaya pegawai memudahkan urusan rakyat daripada birokrasi yang menyusahkan. Pasar nelayan juga akan dipertingkatkan fungsi dan fasilitinya

Oleh **ARIF ATAN**

**MENTERI** Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub mahu melihat proses permohonan lesen oleh golongan nelayan dipermudahkan.

Menurut Timbalan Presiden AMANAH itu, usaha untuk menaik taraf kemudahan di pasar nelayan juga mendapat perhatiannya.

"Saya minta supaya pegawai memudahkan urusan rakyat daripada birokrasi yang menyusahkan.

Pasar nelayan juga akan dipertingkatkan fungsi dan fasilitinya," katanya selepas menyertai sesi dialog bersama nelayan di Balok, Pahang pada 15 April lalu.

Dalam program disertai lebih 100 nelayan pesisir pantai itu, beliau turut mendengar keluhan mereka berkenaan isu pembayaran Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) dan lesen sampan khas.

"Saya ulang kembali iltizam bahawa saya akan usaha supaya ESHN dinaikkan lagi untuk bajet tahun depan," katanya.

Salahuddin turut menyerahkan peruntukan sebanyak RM80,000 untuk menaiktaraf pasar nelayan Balok.

"Semoga nelayan dan orang awam sama-sama mendapat manfaatnya," tambah beliau lagi.

Sebelum ini, Salahuddin memberitahu proses pemutihan yang bertujuan mengenal pasti golongan sasaran yang benar-benar layak menerima ESHN hampir 90 peratus selesai.

Langkah tersebut dilakukan bagi mengelak berlakunya ketirisan dan penyelewengan.




*Salahuddin menyampaikan peruntukan menaik taraf pasar nelayan Balok.*



*Antara komuniti nelayan di Balok yang hadir dalam majlis ramah mesra 15 April lalu.*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/4/2019 | KOSMO | NEGARA | 4 |

KDN tubuh pasukan khas atasi pencerobohan nelayan asing di perairan negara

# Hasil laut rugi RM6 bilion setahun

Oleh NOR IDAYU BOSRO

PUTRAJAYA – Jemaah menteri dalam mesyuarat Kabinet semalam bersetuju menubuhkan sebuah pasukan khas diketuai Kementerian Dalam Negeri (KDN) bagi mengatasi isu pencerobohan nelayan asing di perairan negara yang mengakibatkan kerugian hasil laut sehingga RM6 bilion setahun.

Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin (gambar) berkata, pasukan khas berkenaan akan dianggotai empat kementerian dan tujuh agensi bagi melakukan operasi secara menyeluruh untuk menangani isu tersebut.

"Kes pencerobohan nelayan asing bukanlah isu baharu tetapi mutakhir ini, ia semakin meningkat mengikut musim dengan membabitkan nelayan dari Vietnam khususnya yang menceroboh tanpa mengendahkan undang-undang perairan antarabangsa.



"Jadi agensi dalam pasukan khas ini akan mengatur operasi khas dalam tempoh segera supaya aset iaitu kapal-kapal dalam agensi berkaitan dapat digerakkan secara lebih tersusun hingga ke peringkat pencerobohan ini tidak berlaku lagi," katanya pada sidang akhbar di KDN di sini semalam.

Turut hadir Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub dan Timbalan Menteri Pertahanan, Liew Chin Tong.

Muhyiddin berkata, selain KDN, kementerian yang terlibat dalam pasukan khas itu ialah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Pertahanan serta Kementerian Luar.

Katanya, tujuh agensi itu termasuklah Maritim Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Tentera Laut Diraja Malaysia, Jabatan Perikanan, Jabatan Imigresen, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

Sementara itu, dalam sidang akhbar sama, Salahuddin menegaskan, pihaknya tidak pernah sesekali memberikan lesen atau permit kepada nelayan asing untuk beroperasi dalam perairan negara.

Berdasarkan statistik, sebanyak 53 tangkapan vesel nelayan asing dibuat dari Januari hingga April tahun ini.

Angka itu lebih tinggi berbanding 42 kes pada tahun 2018 dan 52 kes pada tahun sebelumnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/4/2019 | SUN | NEWS WITHOUT BORDERS | 4 |

# Ministry forms task force to combat illegal fishing



Fishermen from Syahbandar in the East Coast display banners, in silent protest to illegal encroachment in Malaysian waters. – ***BBXPIX***

**PUTRAJAYA:** The Cabinet has set up a special task force involving several ministries and agencies to tackle illegal encroachment by foreign fishermen into Malaysian waters.

Home Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin said the ministries include Home, Defence, Agriculture and Agro-based Industry and Foreign Ministries.

"The agencies involved will be the Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA), the Navy, the police, the fisheries department, the fishery development authority of Malaysia, the Immigration Department, and the Malaysian Anti-Corruption Commission," he said at a press conference yesterday. Also present was Deputy Defence Minister Liew Chin Tong.

He said the task force was formed so the related agencies could coordinate their operations and have more integrated movement to combat the encroachment effectively.

"Many of the illegal encroachment of fishing vessels seem to have come from Vietnam, and they don't seem to respect international waters under Malaysian territory, so the task force was formed to counter that," he said.

Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Salahuddin Ayub said there had been complaints from the fishing community, particularly in the East Coast, of foreign fishermen encroaching into Malaysian waters, especially during specific seasons, like the current squid season.

"We lose up to RM6 billion a year of sea produce to illegal encroachment in Malaysian waters," he said, adding that his ministry had not given any operating licences to foreign fishermen to operate in our waters. – *by* ***Cindi Loo***

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/4/2019 | MALAY MAIL | ONLINE | |

# Home, Agriculture, Defence Ministries join forces to tackle worsening illegal fishing problem



Tan Sri Muhyiddin Yassin, Liew Chin Tong and Datuk Salahuddin Ayub arrive for a press conference in Putrajaya April 24, 2019. — Picture by Mukhriz Hazim

PUTRAJAYA, April 24 — The Home Ministry, Ministry of Agriculture and Agro based Industry (MoA), and Ministry of Defence are joining forces to tackle the issue of foreign fishing vessels encroaching into Malaysian waters.

In an announcement today, the Home Ministry said it will lead this task force with the Cabinet's approval to mobilise all available assets to tackle the issue which is costing the local fish industry RM6 billion in losses each year.

"Cases of foreign fisherman encroaching into our waters is nothing new but lately it's getting worse," said Home Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin during the joint press conference at his ministry here.

"It follows the seasons, and right now is cuttlefish season. These illegal fishermen pay no heed to our laws and are now coming in to hunt fishes and cuttlefishes.

"Prior to today, we have made several arrests and there are also cases pending trial. However, from now on, we're going to mobilise our ships and assets in a coordinated way and work with the various agencies to tackle this issue," he added.

Agriculture Minister Datuk Salahuddin Ayub who was also in attendance said most of the illegal fishing vessels entering Malaysian waters come from Vietnam.

He said his ministry had been receiving a high number of complaints and requests for assistance from fisherman around the east cost of Malaysia, and he felt the threat was growing.

Salahuddin said on October last year, he attended a forum for agricultural ministries from all over Asia, and he brought up this matter with his Vietnam counterpart during a private bilateral session there.

"I brought this issue up when I met the minister from Vietnam last year and Malaysia alone can't tackle this issue. It takes two to tango," said Salahuddin.

"For the record, MoA has never given fishing licences or permits to foreign vessels to operate in Malaysia."

"There could be elements of power abuse or corruption where some of the illegal vessels have certain permits to fish here, but officially, we have never given any permits to foreign ships.

"In fact, we are losing RM6 billion a year to illegal fishing," he added.

Due to this, Muhyiddin said they are asking the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) to join them in this task force as well.

"I do not know for sure if there are elements of corruption and foul play but one way to ensure proper governance is to bring the MACC in," said Muhyiddin.

As for whether the Vietnamese authorities are aware of the situation, Muhyiddin said: "Well, I think they should know but the fact is sometimes these so-called fishermen do things on their own.

"What can be done is we will inform the Vietnamese authorities to advise their people not to go beyond their own waters.

"Hopefully, with us mobilising our assets and signalling our intent to tackle this issue properly, we can deter future vessels from encroaching into our waters," added Muhyiddin.

Besides the three ministries and the MACC, the Malaysian Maritime Enforcement Agency, Fisheries Development Authority of Malaysia, Immigration Department, Royal Malaysian Police, Foreign Ministry and Department of Fisheries are all involved in the task force.

According to the MMEA, since 2006, there have been 747 reported cases of encroachment that have been caught and arrested by Malaysian authorities. The majority of these ships have been sunk. This year alone, the MMEA have caught 41 illegal vessels.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Special task force to prevent intrusion of foreign fishing boats | | |
| MediaTitle | Guang Ming Daily | | |
| Date | 25 Apr 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 49,712 |
| Page No | A9 | Readership | 149,136 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 343 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 5,197 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 15,591 |



# 海產每年損失60億 特工隊防外國漁船入侵

（布城24日讯）为了解决外国，尤其是越南渔船非法入侵我国海域的问题，内政部长丹斯里慕尤丁今日宣布，内阁议决成立由数个政府机构组成的特工队展开联合执法行动。

他说，这个特工队将以内政部为首。

根据农业及农基部长拿督沙拉胡丁，非法外国渔船的入侵，导致我国每年在海产方面蒙受60亿令吉损失。

## 越南渔船入侵严重

慕尤丁、沙拉胡丁及国防部长末沙布代表国防部副部长刘镇东召开记者会说，参与联合执法行动的政府部门及机构包括外交部、反贪污委员会、移民局、海事执法机构、海军部队、警方、渔业局及渔业发展局。

"反贪污委员会将负责调查这些事件是否涉及贪污行为。"

他说，农长基于外国渔船非法入侵我国海域及捕捞我国渔产，对本地渔夫影响甚大，而于今日的内阁会议提出此事，进而决定成立特工队。

他说，特工队将会立刻安排执法行动来解决这个问题，以便非法入侵的事件不再发生。

慕尤丁坦言，外国渔船入侵我国海域发生已久，尤其目前是可以捕获许多章鱼的"苏东季节"，情况更为严重。

他说，许多机构，如海事执法机构早前援引《1985年渔业法令》采取行动，逮捕外国渔夫及充公渔船，此外也有相关案件在法庭进行审讯。

询及越南政府是否了解该国渔夫非法入侵我国海域的情况猖狂时，慕尤丁说，马来西亚会告知越南，希望越南能协助马来西亚，提醒人民不要进入马来西亚海域。

另一方面，沙拉胡丁说，农业部不曾批准与发出准证或执照给外国人和外国船只进入我国海域。

"由于外来渔船非法入侵我国海域，导致我国每年在海产方面的损失60亿令吉，所以必须采取行动解决。"

他透露，他在出席东盟农业部长会议时，曾与越南农业部长针对越南船只非法入侵我国一事进行双边商讨，要求越南解决，避免这类事件再次发生。

刘镇东说，国防部支持内阁的决定，并将提供协助，以解决这个长久以来存在的问题。(LMY)

遭扣留的外国渔船数据

| 执法单位 | 2017年 | 2018年 | 2019年 |
|---|---|---|---|
| 渔业局 | 4 | 2 | 9 |
| 警方 | 1 | 0 | 3 |
| 海事执法机构 | 47 | 40 | 41 |




■慕尤丁（中）宣布，内阁议决成立由数个政府机构组成的特工队展开联合执法行动，以解决外国，尤其是越南渔船非法入侵我国海域的问题；左三是沙拉胡丁，右三为刘镇东。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Task force to stop illegal fishing boat | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 25 Apr 2019 | Color | Full Color |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A22 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 690 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 8,679 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 26,038 |



## 越境捕鱼 年失60亿

# 设特工队阻非法渔船

**（布城 24 日讯）外国渔船入侵大马海域，导致我国每年损失 60 亿令吉，为此内阁将成立一个由 4 个部门及 7 个执法机构组成的特别工作队，希望杜绝外国船只入侵事件。**

**内政部长丹斯里慕尤丁说，内阁将成立由该部领导的上述特工队，其他成员包括农业及农基工业部、国防部和外交部，以及大马海事执法机构、大马皇家海军、警方、移民局、渔业局、大马渔业发展局及大马反贪污委员会。**



慕尤丁在沙拉胡丁（左）及刘镇东的陪同下，召开记者会。

慕尤丁今天在部门召开记者会时说："他们将尽速进行特别行动，希望不再发生外国渔民入侵我国海域的现象。"

出席记者会者包括农业部长拿督沙拉胡丁，以及国防部副部长刘镇东。

沙拉胡丁强调，农业部不曾发出执照或准证给外国渔民在我国海域捕鱼，但外国渔船入侵我国海域，导致我国每年损失 60 亿令吉。

### 扣押67渔船

慕尤丁指出，今年外国渔民入侵我国海域的情况日益猖獗，特别是越南渔民，目前海事执法机构扣押了 41 艘渔船，渔业局则扣押了 26 艘。

"虽然并非新鲜事，不过最近因为季节而增加，因为现在是鱿鱼季节，他们（外国渔民）入侵我国海域，无视国际海域相关法令。"

问及之前的执法行动是否不奏效，慕尤丁说，所有机构根据本身的工作范围执行任务。

"如果联合行动，希望外国渔民知道后，不敢入侵我国海域。

"如果他们仍入侵我国海域，由于人手和设备增加，可能我们可以更有效地逮捕他们。"

慕尤丁说，我国通过外交部要求越南当局，劝告该国渔民不要入侵我国海域。

针对反贪会的加入，他说，反贪会负责监督执法行动以避免发生滥权行为。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Special task force to prevent illegal fish boats from neighbour countries | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 25 Apr 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 11 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 328 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 9,880 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 29,640 |






慕尤丁（左四）宣布，内阁议决成立由数个政府机构组成的特工队展开联合执法行动，以解决外国，尤其是越南渔船非法入侵我国海域的问题。左三是沙拉胡丁；右三是刘镇东。

## 慕尤丁：數政府機構組成

# 特工隊防漁船入侵

（布城24日讯）内政部长丹斯里慕尤丁宣布，内阁议决成立由数个政府机构组成的特工队展开联合执法行动，以解决外国、尤其是越南渔船非法入侵我国海域的问题。

农业及农基部长拿督沙拉胡丁则指出，外国渔船非法入侵，导致我国每年在海产方面，蒙受高达60亿令吉损失！

### 以内政部为首

慕尤丁与沙拉胡丁，以及国防部副部长刘镇东今日召开新闻发布会时表示，这个特工队将以内政部为首。

他说，参与的政府部门及机构包括外交部、反贪污委员会、移民局、大马海事执法机构（APMM）、海军、警方、大马渔业局和大马渔业发展局（LKIM）。

他补充，反贪会将负责调查这些事件是否涉及贪污行为。

慕尤丁指出，外国渔船非法入侵我国海域，捕获我国渔产，对本地渔民影响甚大，因此农长在今日的内阁会议提出此事，作出成立特工队的决定。

"特工队将会立刻安排执法行动来解决这个问题，以便非法入侵的事件不再发生，因为这些外籍渔民，尤其是来自越南的渔民，令本地渔民面对难以'找吃'的问题。"

### "苏东季节"情况严重

慕尤丁也解释，外籍渔船入侵我国海域发生已久，尤其目前是"苏东季节"，可捕获许多章鱼，因此近期的情况更为严重。

他说，许多机构，如大马海事执法机构早前已援引1985年渔业法令采取行动，逮捕这些外籍渔民及充公他们的渔船，目前也有相关案件在法庭进行审讯。

至于越南政府是否了解该国渔民非法入侵我国海域的情况猖狂，慕尤丁表示，大马会告知越南，希望越南能协助大马，提醒他们的渔民勿进入大马海域。

### 沙拉胡丁：没发准证给外国船入马海域

"我认为他们应该知道，但有时候渔民自己行事，他们也知道自己侵犯他国领土，尤其那个范围也有我国的渔民，那是大马海域，显然地，我们不愿在那个范围看到外国的（渔船）。"

沙拉胡丁强调，该部未曾批准与发出任何准证或执照予外国人和外国船只进入我国海域。

他说，该部接到很多地方上的渔民，特别是东海岸一带渔民有关越南船只非法入侵我国海域的投诉。他补充，他在出席东盟农业部长会议时，曾和越南农业部长针对越南渔船只非法入侵我国一事进行讨论，并要求越南解决此事，避免类似事件再次发生。

刘镇东表示，该部支持内阁这项决定，并给予相关的协助，以解决这项长久以来的问题。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Sim hopes China will complete inspection of bird nest export within this year | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 25 Apr 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 4 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 239 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 7,242 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 21,727 |






沈志勤（中）为2019年全球燕窝产业链精英峰会主持开幕。左起卢进才及钟建明；右起林国超及陈瑞民

## 沈志勤:允馬燕窩製成品銷華

# 盼中年内完成審核

（吉隆坡24日讯）农业及农基工业部副部长沈志勤表示，注重燕窝下游行业是政府未来要朝向的方向，因此希望中国海关总署可以在今年内完成审核，准许我国的燕窝制成品出口到中国

他指出，目前中国只允许进口大马的净燕，而毛燕与燕窝制成品仍未获准进口，而大马政府已向中国提出开放进口我国燕窝制成品的要求

### 须朝下游加工业发展

他表示，中国海关总署今年会来大马审查带壳溯链及燕窝制成品的出口事宜，希望今年内完成有关事项

他说，政府希望燕窝可以在大马完成加工，做成完成品再出口到中国，因为1公斤毛燕价格为4000令吉，1公斤净燕翻倍到8000令吉，但是1公斤燕窝制成品的价格可以到4万令吉，因此必须朝向下游加工行业发展

沈志勤今日联同马来西亚燕窝商联合会总会长陈瑞民出席2019年全球燕窝产业链精英峰会进行开幕后召开新闻发布会这么表示。出席者还有中国药文化研究会燕窝分会及燕窝产业国际联盟主席钟建明，兽医服务局总监奎督科沙尼，活动筹委会主席卢进才及副主席林国超

### 盼业者提升技术

他表示，希望燕窝业者提升技术，虽然中国可以进口我国的净燕进行加工，但是中国消费者对马来西亚食品更有信心，因此这会是大马的优势

他说，目前大马已针对燕窝展开区块链技术的试验计划，让消费者可以了解每一个工序，如运输及加工的产地，让业者可以借此提升价值

他透露，政府也有意开放让外资来我国投资燕窝下游业的加工厂及乡区的燕窝业农业旅游项目

他说，大马政府也针对燕窝行业推出指南及蓝图，让业者可以采用，从而让行业变成系统化，素质不会参差不齐

### 警告燕农勿走捷径

他也警告燕农不应该短视寻求捷径，必须遵守指南，避免再发生过去影响整个行业的不好行动

他宣布，截止2018年已向兽医局注册的燕屋有1万零513家，燕农有6582人，兽医局已于去年开始地质资讯系统，针对燕窝进行标记，确认可以发展燕窝的热点地区，从而提高我国燕窝出口量

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Sim : Bird nest export volume in year 2018 hits RM1.3 billion | | |
| MediaTitle | Kwong Wah Yit Poh | | |
| Date | 25 Apr 2019 | Color | Full Color |
